

26 JUL 2001

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWAT KEDAH

ALOR SETAR, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba untuk lawatan sehari ke Kedah hari ini.

Beliau tiba dengan jet eksekutif di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim dekat sini, pada pukul 8.45 pagi.

Dr Mahathir akan memulakan lawatannya dengan mengunjungi Pusat Komputer Kampung Padang Jambu Dalam, Mukim Kangkong, Kuala Kedah.

Perdana Menteri yang pernah berniaga di Pekan Rabu di sini, semasa zaman remajanya dahulu, akan merasmikan mesyuarat agung Koperasi Pekan Rabu di Hotel Holiday Villa selepas itu.

Beliau juga dijadual merasmikan Kilang Silterra Semiconductor Wafer Fabrication di Kulim Hi-Tech Park, pada sebelah petang.

Dr Mahathir yang juga Ketua Umno bahagian Kubang Pasu akan mempengerusikan mesyuarat bahagian itu di pejabat Umno bahagian di Jitra pada pukul 8 malam sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

-- BERNAMA

JM RON